

Keyakinan pelabur terhadap ekonomi makin pulih: PM

BH 3 1 MAY 2002

Oleh Kadir Dikoh

DATUK Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata prestasi di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) adalah menggalakan, dengan kenaikan indeks kompositnya melebihi kadar kenaikan indeks utama di beberapa bursa saham dunia.

Perdana Menteri berkata, keyakinan peniaga dan pelabur terhadap ekonomi negara juga semakin pulih.

Beliau menegaskan, malah agensi penarafan utama antarabangsa sudah menaikkan penarafan ekonomi negara ke tahap yang lebih tinggi.

Terbitan bon oleh kerajaan dan syarikat tempatan turut mendapat sambutan yang baik di pasaran antarabangsa, katanya.

Dr Mahathir yang juga Menteri Kewangan berkata,

rizab antarabangsa negara terus meningkat, tabungan dalam negara kekal tinggi, hutang luar terus rendah, manakala petunjuk sektor perbankan semakin baik.

"Walaupun ekonomi dunia mengalami kelembapan tahun lalu, ekonomi negara masih mencatat pertumbuhan positif sebanyak 0.4 peratus, berbanding beberapa negara di rantau ini yang mengalami pertumbuhan negatif.

"Bagi suku pertama tahun ini pula, ekonomi negara berkembang kembali sebanyak 1.1 peratus, berbanding kemerosotan 0.9 peratus dalam suku ketiga dan 0.5 peratus dalam suku keempat tahun lalu," katanya pada dialog Belanjawan 2003 di Putrajaya, semalam.

Perdana Menteri berkata, pertumbuhan semula eko-

nomi negara itu didorong oleh kecergasan berterusan kegiatan sektor perkhidmatan dan pembinaan, di samping peningkatan perbelanjaan dalam negara.

"Pencapaian ini adalah hasil keberkesanan pelaksanaan dasar dan strategi kerajaan untuk bertindak segera dengan cara kita sendiri bagi menangani perubahan persekitaran luar yang tidak menentu. Ia juga disokong oleh asas ekonomi yang semakin mantap," katanya.

Dr Mahathir berkata, awal tahun ini, terbitan bon kerajaan bernilai AS\$750 (RM2.85 bilion) di pasaran antarabangsa berjaya mendapat lebih bilangan langganan 7.5 kali.

Baru-baru ini, Petronas berjaya menerbitkan bon dalam pelbagai mata wang asing bernilai AS\$2.68 bilion (RM10.184 bilion) dengan le-

bihan langganan 3.4 kali.

Perdana Menteri berkata, jumlah itu adalah penjualan bon korporat terbesar dari negara Asia, tidak termasuk Jepun.

Beliau berkata, iklim pelaburan negara yang semakin baik berjaya menarik pelabur asing walaupun kadar cukai korporat negara lebih tinggi berbanding sesetengah negara jiran.

"Rejim pencucuaian yang rendah tidak semestinya menjamin sesebuah negara itu dapat menarik lebih banyak pelaburan asing seperti berlaku di beberapa negara lain termasuk Hong Kong.

"Meskipun struktur cukai

korporat kita mungkin dianggap tinggi oleh sesetengah pihak, jika kita mengambil kira pemberian pelepasan dan pengecualian cukai, maka cukai efektif negara adalah antara yang terendah," katanya.

Beliau berkata, dalam membuat keputusan pelaburan, selain dasar yang pragmatik dan kecekapan penguurusan ekonomi, pelabur asing turut mengambil kira kemudahan prasarana yang disediakan serta kestabilan sesebuah negara seperti yang ada di negara ini.

Mengenai rizab antarabangsa, beliau berkata sehingga pertengahan Mei ta-

hun ini, ia terus meningkat kepada RM124.5 bilion atau AS\$32.8 bilion, yang mampu membiayai 5.5 bulan import tertangguh dan lima kali lebih tinggi daripada hutang luar jangka pendek negara.

Dr Mahathir berkata, negara turut mencatat lebih dagangan bagi 53 bulan berturut-turut sejak November 1997.

"Tabungan negara yang tinggi membolehkan kita memenuhi keperluan pembiayaan pembangunan negara tanpa bergantung kepada sumber kewangan luar. Dengan demikian, hutang luar negara terus kekal pada paras rendah," katanya.